

27 JUN 1996

PEMIMPIN GERAKAN AKAN MENDAPATKAN NASIHAT PM MENGENAI KONG

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini berkata, beliau akan mendapatkan nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perbuatan anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) dari parti itu yang tidak mengundi bagi rang undang-undang yang dikemukakan oleh Barisan Nasional (BN) di persidangan DUN minggu lepas.

Dr Lim berkata, beliau akan menjelaskan tindakan anggota DUN tunggal parti itu di Sabah dan keputusan parti itu untuk tidak mengambil tindakan terhadapnya kepada Dr Mahathir yang merupakan pengerusi BN.

Adun Kudat Datuk Kong Hong Ming yang juga ketua Gerakan Sabah dan naib presiden parti itu tidak mengundi bagi rang undang-undang Enakmen Perhutanan (Pindaan).

Beliau tidak menghadiri diri apabila persidangan itu mengundi bagi empat lagi rang undang-undang bersama rang undang-undang perhutanan itu yang bertujuan memindahkan sebahagian daripada kuasa Ketua Menteri Sabah kepada Kabinet negeri.

Seorang anggota DUN yang dilantik daripada parti Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu, Jahid Jahim, disingkirkan daripada parti itu kerana mengundi menolak rang undang-undang perhutanan itu.

Kong menjelaskan yang beliau tidak mengundi kerana Gerakan dilayan tidak adil oleh BN Sabah.

Dr Lim, dalam mengulas laporan mengenai rasa tidak puas pemimpin-pemimpin BN kerana tidak mengambil berat tindakan Kong, berharap mereka tidak akan lupakan semangat BN.

"Saya merupakan antara mereka yang mencadangkan kepada Perdana Menteri lebih kurang empat bulan lepas supaya kuasa Ketua Menteri Sabah dikurangkan," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan pameran Woodtech Malaysia '96, di sini. -- BERNAMA

HT CTL PR